

PERBANDINGAN PROSES PENGGUBALAN DAN KANDUNGAN KURIKULUM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI ANTARA NEGARA INDONESIA DAN MALAYSIA

Comparison Formulation Process and Curriculum Content in Early Childhood Education between Indonesia and Malaysia

Yetty Rahelly¹, Aminah Ayob²

Universitas Sriwijaya (UNSRI), Kota Palembang, Indonesia¹,

Universiti Pendidikan Sultan Idris²

yettyrahelly@gmail.com¹, aminahayob@upsi.edu.my²

ABSTRAK

Kajian perbandingan antara negara dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak (PAKK) di rantau Asia Tenggara masih belum mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik PAKK. Didorong oleh kekurangan penyelidikan komparatif begini, maka kajian ini dijalankan untuk membandingkan proses penggubalan dan kandungan Kurikulum PAUD di Indonesia dan Kurikulum PERMATA Negara di Malaysia. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kualitatif dan data dipungut menggunakan kaedah analisis dokumen, studi pustaka, temubual dan pemerhatian. Teknik triangulasi digunakan untuk memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan (trustworthiness) data/maklumat yang dikumpul. Sebanyak 19 dokumen rasmi dianalisis, 6 rencana pustaka disoroti, 4 orang individu diwawancara, dan 2 buah Taman Kanak-kanak (di Indonesia) dan 2 buah Pusat Anak PERMATA Negara di Malaysia telah diobservasi. Dapatan kajian menunjukkan (sehingga tahun 2013) Kurikulum PAUD digubal secara desentralisasi di mana pihak Pemerintah iaitu Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia hanya menyediakan standard yang perlu dicapai oleh anak, manakala isi kandungan kurikulum dan aktiviti pembelajaran digubal di peringkat Taman Kanak-kanak (Satuan PAUD) oleh ahli Lembaga Satuan PAUD. Sebaliknya, Kurikulum PERMATA Negara digubal dalam konteks sentralisasi oleh pakar, tanpa berpandukan kepada standard, tetapi menggunakan ‘*milestones*’ perkembangan kanak-kanak sebagai panduan. Dari segi kandungan, didapati kedua-dua kurikulum memberi penumpuan utama kepada bidang pembelajaran dan perkembangan yang sama iaitu sosio-emosi, moral dan kerohanian, serta perkembangan kognitif, fizikal dan estetika. Terdapat sedikit perbezaan dari segi penekanan kurikulum, di mana Kurikulum PAUD lebih menekankan pembelajaran agama, bahasa, seni dan budaya, manakala Kurikulum PERMATA Negara memberi penekanan yang lebih kepada pembelajaran literasi, matematik, sains dan teknologi. Beberapa cadangan dari segi dasar diberikan untuk penambahbaikan proses penggubalan kurikulum PAUD di Indonesia dan Kurikulum PERMATA Negara di Malaysia.

Kata kunci: Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK), Pendidikan Anak Usia Dini (PAUD), kurikulum permata negara, kurikulum paud, proses penggubalan kurikulum awal kanak-kanak, proses pelaksanaan kurikulum awal kanak-kanak, kajian perbandingan antara negara.

ABSTRACT

Comparative research between nations in the Asia Pacific Region on early childhood care and education (ECCE) has not received much interest amongst researchers. The lack of references on comparative studies in ECCE has motivated the authors to conduct this research. The research aims to compare the process of curriculum development and curriculum content between PAUD curriculum in Indonesia and PERMATA Negara curriculum in Malaysia. The research employs a qualitative research design, using document analysis, literature review, interviews and direct observation as methods for data collection. The validity and trustworthiness of the data/information collected were established using triangulation technique. All together 19 documents and 6 library articles were analysed, 4 individuals were interviewed, and 2 childcare centres in Indonesia and 2 in Malaysia were observed. The findings show there are prominent differences in the way the early childhood curricula were developed in both countries. The PAUD curriculum (as up to 2013) was developed through a decentralised process, using children development standards set by the Indonesian Ministry of Education and Culture as guidelines, whereas the PERMATA Negara curriculum was developed centrally by experts, without any standards but using children's milestones development as guidelines. In terms of the content, the findings show both curricula cover almost similar topics; giving strong emphasis to the sosio-emotional, moral and spiritual, as well as the cognitive, physical and aesthetic value development of children. Only slight differences were observed, i.e., the PAUD curriculum tend to focus and allocate more time to the learning of the religion, language, arts and culture, whilst the PERMATA curriculum concentrated on the learning of literacy, mathematics, science and technology. Several policy recommendations were proposed for the improvement of the curriculum development process of both, the PAUD curriculum in Indonesia and the PERMATA Negara curriculum in Malaysia.

Keywords: Early Childhood Education (ECE), PERMATA Negara Curriculum, PAUD Curriculum, process of curriculum development, process of curriculum implementation, cross national comparative study.

PENGENALAN

Pendidikan adalah tonggak keberhasilan kemajuan sebuah negara, sama ada dalam ekonomi, sosial, moral atau pembangunan infrastruktur dan fizikal. Komponen pendidikan yang paling asas dalam menentukan keberjayaan menghasilkan sumber manusia dan masyarakat yang dikehendaki oleh sesebuah negara ialah kurikulum. Pada dasarnya kurikulum adalah pedoman atau garis panduan dalam kegiatan pembelajaran untuk mencapai kompetensi dasar dan tujuan pendidikan. Untuk itu penggubalan dan pelaksanaan kurikulum haruslah secara berencana dan berstruktur. Bagi program pendidikan awal kanak-kanak, kurikulum yang digubal adalah bertujuan memberikan tunjuk ajar, asuhan dan didikan untuk membina keperibadian anak, selain mengembangkan aspek kognitif dan fizikal anak (Aminah Ayob, et al., 2006). Pada awal usia, kanak-kanak perlu diberi asuhan dan didikan untuk mengembangkan kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan anak usia dini untuk berkembang ke tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran yang lebih tinggi. Dengan itu mereka lebih bersedia untuk memasuki alam persekolahan.

Proses penggubalan kurikulum adalah berbeza di antara satu negara dengan negara yang lain. Kurikulum PAUD di Indonesia mengambil masa yang agak lama untuk digubal dan dilaksanakan di peringkat provinsi, kabupaten/kota dan desa kelurahan¹. Memang disedari bahawa Indonesia adalah sebuah negara yang besar dan mempunyai kepulauan yang banyak, tetapi adakah pendekatan desentralisasi yang diamalkan oleh Pemerintah Indonesia suatu langkah yang tepat dan bijak – kerana langkah ini memberi otoriti kepada pihak Lembaga PAUD untuk menggubal kurikulum PAUD mengikut wewenang masing-masing. Masalahnya, sejauhmanakah Lembaga PAUD menghayati hasrat Pemerintah dan mampu membina kurikulum PAUD yang mengacu kepada tingkat perkembangan anak? Siapakah yang terlibat dalam penggubalan Kurikulum PAUD di peringkat Satuan PAUD (Taman Kanak-kanak)? dan apakah kandungan kurikulum yang ditekankan? Inilah persoalan-persoalan yang ingin dihuraikan melalui kajian ini dengan membuat perbandingan dengan Kurikulum PERMATA Negara di Malaysia. Dengan itu, kedua-dua buah negara dapat belajar dari pengalaman dan amalan-amalan terbaik di antara satu sama lain.

Kajian ini bertujuan membandingkan proses penggubalan dan kandungan kurikulum PAUD di Indonesia dan Kurikulum PERMATA Negara di Malaysia. Oleh kerana sistem pendidikan awal kanak-kanak di Indonesia dan di Malaysia masih baru, maka kajian perbandingan ini sangat wajar dilakukan. Kajian perbandingan antara negara di Rantau Asia dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak masih sangat berkurangan, maka kajian ini dianggap sangat tepat pada masanya terutama apabila terwujudnya Komuniti Ekonomi Asean pada 2015 (Sanchita Basu Das, 2015) yang memungkinkan berlaku aliran bebas tenaga manusia di antara negara-negara Asean.

Secara khusus, objektif kajian ialah untuk:

1. mengenalpasti pihak-pihak yang terlibat dalam proses penggubalan Kurikulum PAUD dan Kurikulum PERMATA Negara;
2. menentukan bagaimana proses penggubalan kurikulum Kurikulum PAUD dan Kurikulum PERMATA Negara dilakukan; dan
3. menentukan isi kandungan pembelajaran yang ditetapkan dalam Kurikulum PAUD dan Kurikulum PERMATA Negara.

Soalan kajian ini ialah:

1. Siapakah pihak-pihak yang terlibat dalam penggubalan Kurikulum PAUD dan Kurikulum PERMATA Negara?
2. Bagaimanakah proses penggubalan Kurikulum PAUD dan Kurikulum PERMATA Negara dilakukan?
3. Apakah isi kandungan pembelajaran yang ditetapkan dalam Kurikulum PAUD dan Kurikulum PERMATA Negara?

¹ Kenyataan ini merujuk kepada proses yang berlaku sebelum tahun 2013, semasa kajian ini dijalankan (hasil dapatan temubual dengan Sekretariat HIMPAUDI).

TINJAUAN LITERATUR YANG BERKAITAN

Di Indonesia, perkataan ‘pendidikan awal kanak-kanak’ disebut sebagai ‘pendidikan anak usia dini’ atau PAUD. Jarak umur anak usia dini ialah dari 0 hingga 6 tahun (Yetty Rahelly, 2016). Manakala di Malaysia, pendidikan awal kanak-kanak (PAKK) adalah juga merujuk kepada kanak-kanak dalam lingkungan umur 0 hingga 6 tahun, tetapi kurikulum yang diperbandingkan dalam kajian ini iaitu Kurikulum PERMATA Negara hanya menawarkan didikan dan asuhan kepada kanak-kanak yang berumur 0 hingga 4 tahun sahaja¹⁸. Walaupun julat umur anak dalam kedua kurikulum, PAUD dan PERMATA Negara yang dibandingkan tidak sama, namun dalam kajian ini bukan perkembangan anak yang dibandingkan tetapi yang diperbandingkan ialah proses penggubalan kurikulum dan kandungannya. Oleh itu kajian ini dianggap sesuai dan ada asasnya (Yetty Rahelly, 2016).

Kebanyakan kajian perbandingan antara negara tentang pendidikan awal kanak-kanak telah dijalankan oleh UNESCO, UNICEF, World Bank, OECD, dsb. Kajian oleh UNICEF (2012) mengenai Pendidikan Untuk Semua (EFA) dan pendidikan awal kanak-kanak di negara-negara Asia Pasifik mendapati status pelaksanaan adalah sangat dipengaruhi oleh polisi negara-negara terlibat. Misalnya laporan UNICEF (2010) menyebut bahawa pelaksanaan Pendidikan Untuk Semua (EFA) di Indonesia masih kurang berjaya berbanding di Malaysia. Pemerintah Indonesia masih kurang prihatin untuk melaburkan dana yang besar bagi menyediakan EFA yang berkualiti untuk semua daerah di seluruh Indonesia. Hanya 0.6% sahaja taman-taman penitipan anak dioperasi oleh Pemerintah, selainnya diselenggara oleh swasta dan masyarakat (UNICEF, 2010). Walau bagaimanapun menurut Syamsuddin¹⁸, Pemerintah Indonesia telah berusaha mengadakan rencana jangka panjang dan kebijakan-kebijakan baru bagi memperkuatkan kualiti pendidikan anak usia dini di Indonesia.

Laporan UNICEF 2012 sebaliknya menyebut bahawa di Malaysia Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 setelah dipinda pada 2007 telah berjaya memastikan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti ditawarkan sehingga ke kawasan luar bandar dan pedalaman. Program pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia terdiri daripada dua kumpulan; 0 hingga 4 tahun diselenggara oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan bagi kanak-kanak 4 hingga 6 tahun diselenggara oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Laporan itu memuji usaha KEMAS² sebagai pelopor dalam menyediakan pendidikan awal kanak-kanak di kawasan luar bandar dan pinggir bandar untuk memperluaskan akses pendidikan awal kanak-kanak kepada semua (UNICEF, 2012).

Lain-lain kajian perbandingan antara negara ialah yang dijalankan oleh van den Heuvel et al. (2013). Mereka cuba mengenalpasti polisi yang boleh mempengaruhi perkembangan dan kesihatan kanak-kanak di enam buah

² KEMAS = Jabatan Kemajuan Masyarakat.


negara yang mempunyai ideologi politik yang berbeza iaitu Sweden, Belanda, Kanada, Amerika Syarikat, dan Cuba. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dasar politik sesebuah negara mempengaruhi kualiti program pendidikan awal kanak-kanak di negara masing-masing.

Kajian perbandingan antara negara begini sangat berkesan dalam membantu negara-negara menyedari tahap dan kedudukan negaranya berbanding negara-negara lain dan mengambil langkah-langkah untuk membuat perubahan/penambahbaikan terhadap kualiti pendidikan awal kanak-kanak di negara masing-masing.

METODOLOGI

Penyelidikan ini merupakan sebuah kajian perbandingan lintas negara (cross-national comparative research). Grootings (1986 dalam Hantrais, 2009) mengkategorikan kajian perbandingan lintas negara sebagai kajian kualitatif yang melibatkan metode deskriptif dan deduktif. Menurut Nasution (1988) penyelidikan kualitatif mempunyai tiga ciri-ciri berikut: 1) mengutamakan data langsung atau *first hand*, 2) memerlukan triangulasi, dan 3) menonjolkan perincian kontekstual. Kajian ini menggunakan kaedah-kaedah mengumpul data seperti disebut oleh Nasution, iaitu melalui analisis dokumen, studi pustaka, wawancara dan pemerhatian di lapangan. Penggunaan berbagai sumber untuk mendapatkan data dan merumuskannya menjadi dapatan kajian dinamakan proses triangulasi (Nasution, 1988; Denzin & Lincoln, 2003). Lebih banyak sumber yang digunakan untuk mendapatkan data, maka lebih tinggi nilai kebolehpercayaan atau *trustworthiness* dapatan yang diperolehi (Denzin & Lincoln, 2003).

Dalam kajian ini perbandingan yang dibuat adalah berbentuk makro, iaitu dari segi proses penggubalan dan kandungan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak di Indonesia dan Malaysia. Reka bentuk kajian diberikan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Reka bentuk penyelidikan

Sebanyak 19 dokumen rasmi dan 6 buah rencana pustaka dari kedua-dua buah negara telah dianalisis untuk mendapatkan maklumat mengenai proses penggubalan dan kandungan kurikulum PAUD dan PERMATA Negara. Empat individu telah diwawancara, dan 2 buah Taman Kanak-kanak di Palembang Indonesia dan 2 buah Pusat Anak PERMATA Negara di Malaysia telah dilawati dan dilakukan pemerhatian.

Analisis dokumen dilakukan mengikut teknik yang dicadangkan oleh Graneheim and Lundman (2004) iaitu melibatkan membuat *coding content* kepada tema-tema atau topik yang dikaji yang terdapat dalam dokumen berkenaan. Setelah semua dokumen dianalisis, penyelidik mengorganisasi semua maklumat dari keempat-empat sumber (dokumen analisis, studi pustaka, wawancara, dan pemerhatian di lapangan) mengikut tema masing-masing dan membuat interpretasi untuk dirumuskan sebagai dapatan kajian. Teknik mengumpul dan menginterpretasi maklumat ini dinamakan teknik triangulasi, manakala dapatan kajian adalah hasil proses induksi yang dilakukan. Sugiyono (2008) dan Prastowo (2011) menganggap

teknik ini sebagai pelengkap kepada metode mengumpul data dari sumber-sumber lain seperti wawancara dan pemerhatian di lapangan.

Wawancara dijalankan secara separa terbuka atau semi-berstruktur. Hanya soalan-soalan utama sahaja disediakan sebagai kerangka asas, soalan-soalan ‘mencungkil’ ditambah mengikut respons dari orang yang diwawancarai seperti cadangan Sugiyono (2008). Pemerhatian yang dilakukan di Taman Kanak-kanak (TK) dan Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) adalah bertujuan meneliti rekod-rekod sekolah, kurikulum yang digubal dan digunakan, serta program sosialisasi (latihan) yang dijalankan.

Kebenaran dan kebolehpercayaan (*credibility and trustworthiness*) dapatan kajian ini adalah bersandar kepada teknik triangulasi yang digunakan. Oleh kerana sumber data melebihi dua atau tiga sumber, maka menurut Denzin (1984), ini sudah memadai dan dapatan kajian boleh dipastikan mempunyai kebenaran dan kebolehpercayaan (*credibility and trustworthiness*) yang baik.

DAPATAN KAJIAN

a) Pihak yang terlibat menggubal Kurikulum PAUD dan Kurikulum PERMATA Negara

Hasil analisis dokumen^{1, 2, 3, 6, 7, 8, 16, 17} dan studi pustaka^{20, 21} didapati pihak-pihak yang terlibat dalam menggubal Kurikulum PAUD terbahagi kepada dua peringkat, iaitu di peringkat sentral atau peringkat Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan (Kemdikbud) dan peringkat Satuan PAUD (Taman Kanak-kanak). Di peringkat sentral, tim (*team*) penggubal terdiri daripada:

- Pusat Kurikulum (PUSKUR)
- Direktorat PAUD
- Direktorat Pembina Taman Kanak-kanak (TK) dan Sekolah Dasar (SD)
- Universitas Negeri Jakarta
- Departemen Pendidikan Nasional Kemdikbud

Di peringkat Satuan PAUD pihak-pihak yang terlibat dalam pasukan (tim) penggubal kurikulum PAUD ialah:

- Kepala Satuan PAUD (Kepala Taman Kanak-kanak)
- Pengelola Lembaga Satuan PAUD
- Guru dan tenaga kependidikan Taman Kanak-kanak, dan
- Wakil-wakil Gugus Tugas provinsi, terdiri daripada:
 - Departmen Pendidikan Nasional (Diknas)
 - Departmen Kesehatan
 - Kantor Kementerian Agama
 - Departmen Dalam Negeri


- Wakil Tim Pengembangan Kurikulum PAUD sentral
- Badan Koordinasi Keluarga Berencana Nasional (BKKBN), dan
- Wakil masyarakat atau wakil badan korporat yang menjadi rakan kongsi.

Untuk Kurikulum PERMATA Negara, pihak-pihak yang terlibat menggubal draf kurikulum (kumpulan pelopor) ialah ahli akademik dan pakar bidang pendidikan awal kanak-kanak dari universiti tempatan³. Seterusnya draf kurikulum ini perhalusi oleh kumpulan profesional yang terdiri daripada pakar perubatan kanak-kanak (pediatrik), pakar psikiatrik, kaunselor, psikologis, pegawai dari Kementerian Pendidikan, pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, pegawai undang-undang, pegawai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam), Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM), Persatuan Pendidikan dan Asuhan Kanak-kanak Malaysia (NAECCEM), dan wakil-wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta pengamal-pengamal pendidikan awal kanak-kanak^{13, 16, 17, 18, 23, 24}. Secara umum, Kurikulum PERMATA telah digubal oleh *stakeholders* bidang pendidikan awal kanak-kanak sendiri.

b) Proses penggubalan Kurikulum PAUD dan Kurikulum PERMATA Negara

c)

Penggubalan kurikulum PAUD di peringkat sentral adalah bertujuan menyediakan Standard Tingkat Pencapaian Perkembangan Anak (STPPA) sebagai panduan kepada pasukan penggubal di peringkat Satuan PAUD untuk menggubal kurikulum operasional yang dinamakan Kurikulum Tingkat Satuan PAUD^{5, 6, 7, 8, 9, 20}. Proses yang terlibat adalah seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2 Proses Penggubalan Kurikulum PAUD Peringkat Satuan PAUD^{5, 6}

Sebelum menggubal, tim penggubal peringkat Satuan PAUD perlu menghadiri program sosialisasi (pendedahan) terlebih dahulu, supaya memastikan mereka memahami Standard Tingkat Pencapaian Pendidikan Anak (STPPA) dan proses

³ Individu dan universiti yang terlibat: Prof. Dr Aminah Ayob dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Dr. Rohani Abdullah dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Azizah L. Nordin dari Universiti Malaya (UM), dan Prof Madya Dr. Mastura Badzis dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA)

mengajar-belajar yang sesuai dengan umur anak. Program sosialisasi dijalankan dalam masa yang sangat pendek, dalam bentuk kursus, ceramah, seminar/forum dan lawatan PAUD^{10, 11}. Proses menggubal melibatkan analisis konteks dalam bentuk SWOT⁴ analisis. Hal ini penting untuk memahami keperluan kanak-kanak dan potensi yang ada di daerah berkenaan. Misalnya di Daerah Tanjung Enim, Kota Palembang (di mana terletaknya salah sebuah TK yang dikaji) terdapat perusahaan perlombongan batu bara (arang batu) yang dikenali sebagai batu antrasit. Pihak penggubal kurikulum perlu mengambilkira latar belakang dan budaya kedaerahan ini di dalam kurikulum. Langkah seterusnya ialah menyusun dokumen kurikulum, rancangan kegiatan belajar dan kalendar pendidikan. Kurikulum yang baru dibina ini diujicuba dahulu di TK berkenaan, dilihat keberjadiannya sebelum disampaikan kepada Departmen Pendidikan Nasional (Diknas) Provinsi untuk kelulusan PAUD^{7, 8}.

Sebaliknya, proses penggubalan Kurikulum PERMATA Negara dilakukan mengikut teori-teori pengembangan kurikulum yang saintifik dan sistematis. Sebelum kurikulum digubal, dijalankan kajian untuk mengenalpasti keperluan dan matlamat pendidikan awal kanak-kanak (PAKK) di Malaysia, dan membuat tinjauan amalan-amalan terbaik di beberapa negara maju. Selepas dibina, kurikulum PERMATA diuji rintis secara saintifik di lima buah Pusat Anak PERMATA Negara dan diteliti kesannya kepada kanak-kanak. Hasil kajian rintis dibentangkan kepada pihak Pemerintah, dan akhirnya Kabinet Malaysia meluluskan pelaksanaannya ke seluruh negara. Pada 2010, Kabinet Malaysia mengiktiraf Kurikulum PERMATA Negara sebagai kurikulum kebangsaan dan diperluaskan ke seluruh Malaysia. Sehingga 2013, Kurikulum PERMATA Negara (KPN) telah disemak sebanyak tiga kali dan ditambahnilai dengan kemahiran Abad ke-21 dan aplikasi teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajarannya PAUD^{18, 24}.

d) Kandungan Kurikulum PAUD dan Kurikulum PERMATA Negara

Hasil analisis dokumen^{5,6,7,9,21}, dan pemerhatian yang dijalankan didapati kandungan Kurikulum PAUD 2013 mencakupi enam bidang perkembangan iaitu:

1. Nilai, agama dan moral
2. Fisik-motorik
3. Kognitif
4. Bahasa
5. Sosial-emosional, dan
6. Seni.

Enam bidang perkembangan ini diuraikan dalam bentuk Kompetensi Inti yang mencakupi tiga domain pendidikan iaitu sikap (spiritual dan sosial), pengetahuan, dan keterampilan. Kompetensi Dasar ialah kemampuan anak belajar mengikut tema

⁴ Analisis SWOT = kaedah menganalisis keadaan atau konteks sebelum melaksanakan sesuatu program/project. SWOT ialah akronim kepada ‘Strength’, ‘Weaknesses’, ‘Opportunities’, and ‘Threat’.

dan subtema yang terkait dengan muatan pembelajaran lokal (tempatan). Tema dan subtema yang digunakan di Taman Kanak-kanak yang dilawati ialah, untuk semester 1: diri sendiri, lingkunganku, kebutuhanku, binatang, dan tanaman, dan untuk semester 2: rekreasi, pekerjaan, air, api, udara, alat komunikasi, tanah air ku, dan alam semesta. Muatan/materi kurikulum adalah rancangan kegiatan mengajar-belajar anak di dalam kelas. Berikut ialah contoh kandungan Kurikulum PAUD 2013 bagi sebuah TK yang dikaji dalam kajian ini (Yetty Rahelly, 2016).

Jadual 1 Contoh Kandungan Kurikulum PAUD 2013^{5,6} (pemerhatian di TK A).

KOMPETENSI INTI	KOMPETENSI DASAR	MATERI
KI-1: Menerima ajaran agama yang dianutnya	1.1 Mempercayai adanya Tuhan melalui ciptaan-Nya	<ul style="list-style-type: none"> Benda-benda ciptaan Tuhan: batu, batu bara, gunung, pasir, dst. Makhluk hidup ciptaan Tuhan: binatang, manusia, tumbuhan Gejala alam: hujan, siang-malam, awan, dll.
	1.2 Menghargai diri sendiri, orang lain, dan lingkungan sekitar sebagai rasa syukur kepada Tuhan	<ul style="list-style-type: none"> Memelihara diri sendiri: bangga dengan diri sendiri, tidak mengejek teman Memelihara benda: membersihkan, menyimpan yang masih diperlukan, menggunakan dengan tepat. Memelihara makhluk hidup yang ada di sekitar: memberi makan, menyiram bunga, dll.
KI-2: Memiliki perilaku hidup sihat, rasa ingin tahu, kreatif dan estetis, percaya diri, disiplin, mandiri, peduli, menghargai dan toleran kepada orang lain, mampu menyesuaikan diri, bertanggungjawab, jujur, santun dalam berinteraksi dengan keluarga, pendidik dan teman.	Terdapat 14 KD: Contohnya: 1.2 Mempunyai perilaku yang mencerminkan sikap ingin tahu 1.3 Memiliki perilaku yang mencerminkan kreatif 1.4 Memiliki perilaku yang mencerminkan sikap estetis Dan seterusnya	<ul style="list-style-type: none"> Menjaga kebersihan anggota badan, pakaian, barang-barang, dan tempat Menyiasat alam sekitar Melukis dan mewarna pelbagai benda yang terdapat dalam lingkungan Sikap suka kepada keindahan dalam persekitaran. <p>Dan seterusnya</p>

<p>KI-3: Mengenali diri, keluarga, teman, pendidik dan/atau pengasuh, lingkungan sekitar, teknologi, seni, dan budaya di rumah, tempat bermain dan satuan PAUD dengan cara: mengamati dengan indra -melihat, mendengar, menghidu, merasa, meraba; menanya; mengumpulkan informasi; mengolah informasi/meng-asosiasikan, dan mengkomunikasikan melalui kegiatan bermain.</p>	<p>Terdapat 15 KD: Contohnya:</p> <p>3.4 Mengetahui cara hidup sehat 3.5 Mengetahui cara memecahkan masalah sehari-hari dan berperilaku kreatif 3.6 Mengenal benda-benda disekitarnya (nama, warna, bentuk, ukuran, pola, sifat, suara, tekstur, fungsi, dan ciri-ciri lainnya)</p> <p>Dan seterusnya</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Makanan, dan minuman sehat: makanan/minuman yang diperlukan tubuh, kandungan, zat makanan, kehalalan, • Kebiasaan sehat: mencuci tangan, menggosok gigi, merawat mata, merawat gigi, merawat telinga <p>Dan seterusnya</p> <ul style="list-style-type: none"> • warna primer dan sekunder: biru, merah, kuning, ungu, hijau, jingga, merah muda • Bentuk: lingkaran, segi tiga, persegi, persegi pajang, oval, kubus, kerucut, tabung • Ukuran: besar-kecil, panjang, pendek, berat-ringan, lama-sebentar, sekarang-kemarin-besok. <p>Dan seterusnya</p>
<p>KI-4: Menunjukkan yang diketahui, dirasakan, dibutuhkan, dan dipikirkan melalui bahasa, musik, gerakan, dan karya secara produktif dan kreatif, serta mencerminkan perilaku anak berakhhlak mulia.</p>	<p>Terdapat 15 KD contohnya:</p> <p>4.2: Melaksanakan senam bersama 4.4 Mampu menolong diri sendiri untuk hidup 4.3Mengembangkan motorik kasar dan halus 4.5: Menyelesaikan masalah sehari-hari secara kreatif.</p> <p>Dan seterusnya</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Senam berirama, dll

Bagi Kurikulum PERMATA, isi kandungannya terdiri daripada dua komponen: (i) pengasuhan, dan (ii) pembelajaran. Komponen pengasuhan dilaksanakan dalam aktiviti rutin di Taska/Pusat PERMATA, dan komponen pembelajaran adalah aktiviti belajar yang dilaksanakan setiap hari bersama kanak-kanak. Contoh kandungan Kurikulum PERMATA Negara yang digunakan di kedua-dua buah Pusat Anak PERMATA Negara yang diobservasi dalam kajian ini diberikan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Contoh Kandungan Kurikulum PERMATA Negara untuk kanak-kanak 3-4 tahun^{18, 19.} (pemerhatian di PAPN 1,2)

KOMPONEN PENGASUHAN	KOMPONEN PEMBELAJARAN		
	Bidang	Hasil pembelajaran	Aktiviti yang dicadangkan
Amalan Rutin dan Pengasuhan Kanak-kanak <ol style="list-style-type: none"> 1. Ketibaan – amalan mengucap salam, bersalam dengan guru, dan menyimpan barang di tempat sendiri. 2. Circle time (Perjumpaan pagi) – berkumpul, mula dengan berdoa, nyanyian lagu Kebangsaan, Lagu Permata, lagu patriotik, ikrar, dan bersenam/ pergerakan kreatif. 3. Makan dan minum mengikut tertib. 4. Amalan kebersihan: <ul style="list-style-type: none"> • membasuh tangan • mengosok gigi • mandi –dengan cara yang betul, tidak membazir air, 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sahsiah, sosioemosi dan kerohanian 2. Boleh kawal diri dan patuhi arahan. 3. Ada nilai-nilai murni dalam diri, boleh berkongsi, bekerjasama, mengambil giliran, suka bantu orang lain. 4. Menunjukkan perasaan kasih sayang dan persahabatan. 5. Menghormati orang lain. Dan seterusnya <ol style="list-style-type: none"> 2. Komunikasi, bahasa, dan literasi awal <ol style="list-style-type: none"> 1. Boleh menyatakan idea dan perasaan 2. Boleh mengaitkan perkataan dengan objek dan peristiwa 3. Boleh membina ayat lengkap. 4. Bercakap ikut giliran dalam perbualan Dan seterusnya <ol style="list-style-type: none"> 3. Awal matematik dan pemikiran logik 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Yakin diri, positif, ceria. 2. Boleh kawal diri dan patuhi arahan. 3. Ada nilai-nilai murni dalam diri, boleh berkongsi, bekerjasama, mengambil giliran, suka bantu orang lain. 4. Menunjukkan perasaan kasih sayang dan persahabatan. 5. Menghormati orang lain. Dan seterusnya <ol style="list-style-type: none"> 1. Boleh menyatakan idea dan perasaan 2. Boleh mengaitkan perkataan dengan objek dan peristiwa 3. Boleh membina ayat lengkap. 4. Bercakap ikut giliran dalam perbualan Dan seterusnya <ol style="list-style-type: none"> 1. Boleh membanding, membeza, mengumpul, mengelas, mengenali corak, pola, dan rentak muzik. 	<ul style="list-style-type: none"> • Wajah saya • Mengenali diri saya, • Siapa saya? • Saya sudah besar • Saya sayang keluarga saya <p>Aktiviti kerohanian untuk kanak-kanak Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengingati Allah • Allah pencipta alam semesta <p>Dan seterusnya</p> <ul style="list-style-type: none"> • Di mana rumah saya? • Nyanyi lagu bunyi haiwan • Bercerita tentang ikan • Jom nyanyi bersama • Jom dengar cerita • Saya suka membaca <p>Dan seterusnya</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bentuk apakah ini? • Apa yang dua? • Cuba asingkan • Mencari corak dalam persekitaran • Bina bongkah • Kotak kecil kotak

KOMPONEN PENGASUHAN	KOMPONEN PEMBELAJARAN		
	Bidang	Hasil pembelajaran	Aktiviti yang dicadangkan
menggunakan sabun • memakai pakaian dan mengemas diri.		2. Faham konsep kedudukan, jarak, masa dan kelajuan. 3. Mengemac bentuk-bentuk geometri di persekitaran 4. Boleh menyebut nombor Dan seterusnya	besar • Atas dan bawah • Mari membilang Dan seterusnya
5. Rehat dan Tidur - berdoa sebelum dan selepas bangun tidur, mengemas tempat tidur dan diri		4. Deria dan pemahaman dunia persekitaran	• Kenali anggota badan • Mari kenal warna • Warna di mana-mana • Mendengar berbagai bunyi • Merasa hembusan angin • Memerhati pergerakan haiwan • Bayang-bayang • Tenggelam timbul Dan seterusnya
6. Pulang – bersalamans sebelum pulang.		1. Kepekaan menggunakan deria 2. Boleh menggabungkan deria dengar, lihat, sentuh, bau dan rasa dalam pemerhatian. 3. Boleh menyiasat secara saintifik 4. Faham konsep asas ciri-ciri benda hidup/bukan hidup, alam semesta, alam fizikal, dll. Dan seterusnya.	
7. Asuhan Bayi : Latihan motor kasar, motor halus dan koordinasi mata-tangan; urutan bayi		5. Fizikal dan Psikomotor	• Tunjukkan saya • Mari bermain doh • Mari main bola. • Turun dan naik tangga • Merangkak dalam terowong • Menuang air dalam bekas • Jom bermain di taman permainan. Dan seterusnya
8. Asuhan budi pekerti dan adapsopan			
9. Bimbingan tingkah laku			
10. Latihan kerohanian – membaca bismillah, membaca doa, berzikir, mengambil wuduk, dan latihan bersolat.			

KOMPONEN PENGASUHAN	KOMPONEN PEMBELAJARAN		
	Bidang	Hasil pembelajaran	Aktiviti yang dicadangkan
		dll. Dan seterusnya	
6. Kreativiti dan estetika	4. Kreatif mencampur warna untuk hasilkan warna baru. 5. Boleh memilih bahan yang sesuai untuk hasilkan sesuatu objek yang kreatif. 6. Boleh melahirkan idea kreatif dalam pelbagai cara Dan seterusnya.		<ul style="list-style-type: none"> • Membuat capan tangan • Mewarna batu • Warna di alam semulajadi • Menghasilkan bunyi dari tubuh badan • Tie-and-dye • Lukisan buah <p>Dan seterusnya</p>

PERBINCANGAN

Dari dapatan di atas, didapati proses penggubalan Kurikulum PAUD dan Kurikulum PERMATA Negara adalah sangat berbeza. Kurikulum PAUD digubal secara ‘atas ke bawah’ tetapi menggunakan konsep desentralisasi dalam pembinaan isi kandungan kurikulumnya. Oleh kerana kurikulum ini digubal di peringkat Taman Kanak-kanak, maka ia dinamakan Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) atau Satuan PAUD. Sebaliknya, Kurikulum PERMATA Negara digubal dari ‘bawah ke atas’ dan kemudian diarahkan pelaksanaannya dari atas ke bawah. Konsep ini dinamakan sentralisasi. Kurikulum sentralisasi juga diamalkan di negara-negara seperti Japan, Singapura, Korea, New Zealand, Perancis dan Jerman (NESCO, 2010). Manakala kurikulum tren reformasi pendidikan awal kanak-kanak masa kini ialah ke arah desentralisasi, terutama diamalkan di negara-negara seperti Sweden, Finland, United Kingdom, Canada dan Amerika Syarikat – juga di Indonesia²⁵.

Kurikulum PAUD digubal berdasarkan Standar Nasional Pendidikan yang diterjemahkan ke dalam bentuk kompetensi inti dan kompetensi dasar. Kurikulum PERMATA Negara digubal mengikut konsep amalan bersesuaian perkembangan, mengambilkira kemahiran abad ke-21, diversiti budaya rakyat di Malaysia dan perkembangan dunia teknologi digital. Perkembangan kanak-kanak diukur

berdasarkan ‘*milestones*’ perkembangan kanak-kanak antarabangsa yang disesuaikan untuk kanak-kanak di Malaysia.

Pihak-pihak yang menggubal Kurikulum PAUD di peringkat Satuan PAUD terdiri daripada kepala Satuan PAUD, ahli lembaga Satuan PAUD dan guru-guru dengan dibantu oleh pegawai-pegawai Pemerintah seperti Dinas Pendidikan, Kantor Agama, Departmen Dalam Negeri, dan wakil masyarakat. Pihak-pihak yang menggubal Kurikulum PERMATA Negara ialah ahli-ahli akademik yang terdiri daripada pakar bidang pendidikan awal kanak-kanak dan para pengamal serta para profesional yang mewakili pelbagai organisasi dan institusi yang mempunyai kepentingan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Konsep kebersamaan ini sangat membantu dalam kejayaan pelaksanaan Kurikulum PERMATA Negara di Malaysia.

Dari segi isi kandungan didapati penekanan kedua-dua buah kurikulum ini adalah hampir sama iaitu berfokus kepada enam bidang perkembangan kanak-kanak. Cuma Kurikulum PAUD lebih menumpukan kepada pembangunan karakter kanak-kanak, manakala Kurikulum PERMATA menekankan pembelajaran sains, matematik dan teknologi. Sehingga 2013, kedua-dua kurikulum telah melakukan penambahbaikan secara berterusan dan didapati versi terbaru Kurikulum PAUD 2015 telah memberi penekanan kepada pembelajaran kemahiran saintifik²¹ dan bagi Kurikulum PERMATA Negara, pendidikan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) telah diserapkan ke dalamnya (Aminah, et al., 2016).

PENUTUP

Sebagai rumusan, secara umum, kedua-dua kurikulum PAUD dan PERMATA Negara mempunyai matlamat yang hampir sama iaitu untuk mendidik kanak-kanak 0-6 tahun supaya menguasai sikap, pengetahuan dan kemahiran asas dalam enam bidang perkembangan iaitu: sosial-emosional dan keperibadian; nilai dan kerohanian; fizikal dan psikomotor; kognitif (bahasa, sains dan matematik); seni; dan estetika. Hanya proses penggubalan dan pihak-pihak yang terlibat menggubal kurikulum-kurikulum yang berbeza, tetapi isi kandungan kurikulum-kurikulum ini adalah sama di antara kedua negara.

Kajian perbandingan ini sangat berguna kepada kedua negara, Indonesia dan Malaysia, bukan sahaja kerana kedudukannya serumpun, tetapi kedua-duanya sedang membina kekuatan dalam program pendidikan awal kanak-kanak. Maka Negara Indonesia dan Malaysia boleh mempelajari dari pengalaman dan amalan-amalan terbaik di antara satu sama lain demi meningkatkan kualiti pendidikan anak bangsa. Dicadangkan supaya Pemerintah Indonesia meningkatkan pembelajaran Sains, Matematik dan Teknologi dalam Kurikulum PAUD, khususnya bagi anak 5 hingga 6 tahun, dan saranan kepada Kerajaan Malaysia ialah untuk memperhatikan konsep desentralisasi yang diamalkan di Indonesia. Dalam jangka panjang proses

ini adalah lebih lestari berbanding konsep sentralisasi seperti yang diamalkan sekarang.

Senarai dokumen yang dianalisis

1. Peraturan Menteri Republik Indonesia No.19 Tahun 2005 Tentang Standar Nasional Pendidikan. Kemdiknas.
2. Peraturan Menteri Pendidikan Nasional, No.58 Tahun 2009 Tentang Standar Pendidikan Anak Usia Dini. Kemdiknas.
3. Peraturan Presiden Republik Indonesia No.60 Tahun 2013 Tentang Pengembangan Anak Usia Dini Holistik Integratif. Kemdikbud.
4. Peraturan Menteri Republik Indonesia No.32 Tahun 2013 Tentang Perubahan Atas Peraturan Pemerintah No.19 Tahun 2005 tentang Standar Nasional Pendidikan dan Pendidikan Nonformal. Kemdikbud.
5. Kerangka Dasar dan Struktur Kurikulum 2013 PAUD, Direktorat PAUDNI. Kemdikbud.
6. Kurikulum 2013 Pendidikan Anak Usia Dini, Direktorat PAUDNI. Kemdikbud.
7. Peraturan Mendikbud No.146 Tahun 2014 Tentang Kurikulum 2013 Pendidikan Anak Usia Dini: Pedoman Pengembangan Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) PAUD. Kemdikbud
8. Peraturan Mendikbud No.160 Tahun 2014 Tentang Pemberlakuan Kurikulum 2013. Kemdikbud.
9. Peraturan Mendikbud No.13 Tahun 2015 Tentang perubahan ke-dua atas Peraturan Pemerintah No.19 Tahun 2005, Pasal 77G yaitu struktur kurikulum PAUD perlu berisi program pengembangan nilai agama dan moral, motorik, kognitif, bahasa, sosial-emosional dan seni. Direktorat PAUDNI. Kemdikbud.
10. Surat Edaran Mendiknas No.33/MPN/SE tahun 2007 tentang sosialisasi KTSP.
11. Department Pendidikan Nasional. (2007). *Pedoman Sosialisasi dan Pemasyarakatan Program Pendidikan Anak Usia Dini*. Jakarta: Direktorat Pendidikan Anak Usia Dini.
12. UU Malaysia: Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 (Akta Taska 1984, pindaan 2007). Putrajaya: Jabatan Peguam Negara [P.U. (A)137] 19hb November 2012.
13. Modul PERMATA Negara: Program Perintis Setiap Anak Permata Negara (2006), NCDRC. Tanjung Malim, Perak.
14. Laporan Interim Program, PERMATA Negara Fasa 1 (Ogos 2007), NCDRC. Tanjung Malim, Perak (tidak diterbitkan).
15. Laporan Interim Program Perintis PERMATA Negara Fasa II (Jun 2008), NCDRC. Tanjung Malim, Perak (tidak diterbitkan).
16. Minit Mesyuarat Majlis Penyelarasan Dasar PERMATA Negara Bil.1/Tahun 2008 (25 April 2008), Bilik Persidangan ICU, Aras1, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.
17. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dasar Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECEC) Kebangsaan Bil.1, Tahun 2008 (6 Mei 2008), Bilik Mesyuarat, Sekretariat Permata, Bangunan EB1, Cyberjaya.

18. Kurikulum PERMATA Negara (2013 ed) Bahagian Permata. Jabatan Perdana Menteri.
19. Panduan Pelaksanaan Aktiviti Anak PERMATA (2010). Bahagian Permata, Jabatan Perdana Menteri. Putrajaya.

Dokumen Studi Pustaka:

20. Syamsuddin, E. (2013). Kebijakan Program PAUD. Direktorat Pembinaan Kurikulum PAUD 2013. Jakarta: Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia.
21. Sigit Dwi Handoko & Achmad Rifa'I (2014). Penyelenggaraan Program di Pos PAUD Cinta Ibu di Desa Pengempon Kecamatan Bawang Kabupaten Batang. *Journal of Non Formal Education and Community Empowerment*, NFECE 3 (2).
22. Dokumen Laporan Bank Dunia (2012). Pendidikan dan Pengembangan Anak Usia Dini di Indonesia. Laporan Awal Bank Dunia, Jakarta, November 2012 (World Bank Report No. 73358-ID).
23. Aminah Ayob (2009). Training is key to quality early childhood learning. *Malaysian International ECEC Conference Proceedings*. Kuala Lumpur: 15-17 April 2009.
24. Rosmah Mansor (2012). Sustainability and Quality Education for the Future: Malaysia's Experience with the PERMATA Programme. Keynote address at the 4th World Innovation Summit For Education (WISE), Qatar Convention Center, Doha. Dalam BERNAMA online 14 November 2012.
25. UNESCO (2015). Education for All 2015. National Review Malaysia. World Education Forum, Incheon, Republic of Korea, 19-22 May 2015.

Wawancara:

1. Kepala TK Rosa, Kota Palembang
2. Kepala TK Antrasita, Tanjung Enim, Kota Palembang
3. Ketua Pendidik, PAPN Felda Besout, Sungkai, Perak
4. Ketua Pendidik PAPN Subang Jaya, Kuala Lumpur

RUJUKAN

- Aminah Ayob, Mastura Badzis, Azizah L. Nordin dan Rohani Abdullah. (2006). Kurikulum Permata Negara. Tanjung Malim: NCDRC, UPSI.
- Aminah, A., Ong, E.T., Ibrahim, M.N., Adnan, M. Ishak, N., dan Shariff, J. (2015). STEM untuk PERMATA Negara. Laporan penyelidikan Bahagian Permata, Jabatan Perdana Menteri (tidak diterbitkan).
- Denzin, N. (1984). *The research act*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Denzin, N.K. & Lincoln, Y.S. (2003). The landscape of qualitative research. Theories and issues. Thousand Oaks: Sage.
- Graneheim U.H., and Lundman B. (2004). Qualitative content analysis in nursing research: Concepts, procedures and measures to achieve trustworthiness. *Nurse Education Today*, 24, 105-112.

- Grootings, P. (1986). Technology and work: a topic for East-West comparison? Dalam Hantrais, L. (2009) International Comparative Research: theory, methods and practice, London/New York: Palgrave. <http://www.palgrave.com/research/hantrais/> July 2012
- Nasution, S. (1988). *Metode penelitian naturalistik kualitatif*. Bandung: Tarsito.
- Prastowo, A. (2011). *Memahami metode-metode penelitian: Suatu tinjauan teoritis dan praksis*. Jogjakarta: Ar-Ruzz Media, p.118.
- Sanchita Basu Das. (2015). The ASEAN economic community: A Work in Progress. The Diplomat (May 23, 2015). The *the ASEAN Studies Center, ISEAS, Singapore*. <http://thediplomat.com/2015/05/the-asean-economic-community-a-work-in-progress/> diakses pada 11 Ogos 2016.
- Sugiyono. (2008). *Metode penelitian pendidikan (Pendekatan kuantitatif, kuantitatif dan R&D)*. Bandung: Alfabeta.
- Syamsuddin, E. (2013). Kebijakan program PAUD. Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia. Ucapan dasar dalam acara Sosialisasi Kurikulum 2013 PAUD P2TK.
- UNICEF, 2012. *The state of the world's children 2012: Children in an urban world*. Unicef U.K. New York: United Nation.
- UNICEF, 2010; EFA Goal 1, Early Childhood Care and Education. Asia Pacific End of Decade Notes on Education For all. UNESCO Bangkok. Asia and Pacific Regional Bureau for Education.
- Van den Heuvel, M., Hopkins, J., Biscaro, A., Srikanthan, C., Feller, A., Bremberg, S., Verkuijl, N., Flapper, B., Lee Ford-Jones, E., & Williams, R. (2013). A comparative analysis of early child health and development services and outcomes in countries with different redistributive policies. *BMC Public Health* 13(1):1049, November 2013.
- Yetty Rahelly. (2016). Kajian perbandingan proses penggubalan dan pelaksanaan kurikulum pendidikan anak usia dini (PAUD) di Indonesia dan kurikulum PERMATA Negara di Malaysia. UPSI (tesis PhD UPSI, tidak diterbitkan).